



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAMBAHAN KEPADA

WARTA KERAJAAN

BAHAGIAN II

Disiarkan dengan Kebenaran

SUPPLEMENT TO

GOVERNMENT GAZETTE

PART II

Published by Authority

Bil. S 9

PERINTAH DAGING SEGAR, 2011

**PERATURAN-PERATURAN DAGING SEGAR
(IMPORT, EKSPORT DAN PINDAH-KAPAL), 2011**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Tafsiran.
 3. Orang yang boleh diberikan lesen atau permit.
 4. Lesen dan permit tidak boleh dipindahmilik.
 5. Pemegang lesen yang mengimport atau memindah-kapal daging atau produk daging hendaklah mengemukakan dokumen.
 6. Prosedur pemeriksaan daging atau produk daging yang diimport.
 7. Pelabelan daging dan produk daging.
 8. Sijil kesihatan eksport.
 9. Kesalahan boleh dikompaun.
-

PERINTAH DAGING SEGAR, 2011

**PERATURAN-PERATURAN DAGING SEGAR
(IMPORT, EKSPORT DAN PINDAH-KAPAL), 2011**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 38(1) dari Perintah Daging Segar, 2011, maka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Daging Segar (Import, Eksport dan Pindah-Kapal), 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Daging Segar, 2011.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"bayaran yang bersesuaian", berkenaan dengan apa-apa perkara yang baginya bayaran adalah kena dibayar, bermakna bayaran yang dinyatakan dalam Perintah Daging Segar, 2011;

"unit pembungkusan asas", berkenaan dengan apa-apa daging atau produk daging, bermakna —

(a) jika daging atau produk daging itu adalah suatu produk yang dibungkus terlebih dahulu, setiap bungkusan daging atau produk daging itu; atau

(b) jika daging atau produk daging itu mengandungi suatu karkas atau sebahagian dari suatu karkas yang belum dibungkus terlebih dahulu, setiap karkas tersebut atau sebahagiannya;

"pelabuhan kastam" bermakna mana-mana pelabuhan dalam makna Akta Pelabuhan (Penggali 144) yang ditetapkan sebagai suatu pelabuhan kastam dan, berkenaan dengan apa-apa daging atau produk daging yang telah diimport, bermakna pelabuhan kastam di mana daging atau produk daging itu sampai di Negara Brunei Darussalam;

"sijil kesihatan eksport", berkenaan dengan mana-mana konsainan daging atau produk daging yang akan dieksport ke sebuah negara asing, wilayah atau tempat, bermakna suatu sijil yang dikeluarkan oleh Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa yang menyatakan maksudnya bahawa konsainan itu telah diperiksa menurut kehendak-kehendak negara, wilayah

atau tempat itu dan telah didapati sebagai sesuai untuk makanan manusia dan mematuhi kehendak-kehendak negara, wilayah atau tempat itu;

"sijil kesihatan", berkenaan dengan mana-mana konsainan daging atau produk daging yang berasal dari sebuah negara asing atau wilayah, bermakna suatu sijil yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang layak di negara, wilayah atau tempat itu yang menyatakan maksudnya bahawa ada disediakan di negara, wilayah atau tempat itu, program kesihatan binatang dan program kawalan kesihatan awam veterinar yang menepati kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah;

"lesen" bermakna suatu lesen yang dikehendaki di bawah bab 5 bagi pengeksportan atau pindah-kapal apa-apa daging atau produk daging;

"bungkusan", berkenaan dengan apa-apa daging atau produk daging, bermakna apa-apa kotak, beg, pembungkus, paket, tin, botol atau benda lain yang di dalamnya daging atau produk daging itu diisi atau dibungkus;

"permit" bermakna suatu permit yang dikehendaki di bawah bab 6 bagi pengeksportan atau pindah-kapal mana-mana konsainan daging atau produk daging.

Orang yang boleh diberikan lesen atau permit.

3. (1) Pengarah tidak boleh memberikan suatu lesen atau permit kepada mana-mana orang melainkan jika dia menjalankan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan —

(a) didaftarkan di bawah Akta Nama Perniagaan (Penggal 92); atau

(b) dalam hal suatu syarikat, diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat (Penggal 39).

(2) Pengarah boleh enggan memberikan suatu lesen kepada seseorang pemohon jika dia berpuas hati bahawa pemohon itu atau salah seorang rakan kongsinya atau, jika pemohon itu adalah suatu badan korporat, salah seorang pengarahnya —

(a) telah dahulunya disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Perintah itu atau Peraturan-Peraturan ini; atau

(b) adalah pemegang suatu lesen yang telah dibatalkan di bawah bab 8(1).

Lesen dan permit tidak boleh dipindahmilik.

4. (1) Seseorang pemegang lesen tidak boleh memindahmilik atau menyerah hak manfaat lesennya atau sebarang permit yang diberikan kepadanya, kepada mana-mana orang lain.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar peraturan kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Pemegang lesen yang mengimport atau memindah-kapal daging atau produk daging hendaklah mengemukakan dokumen.

5. (1) Seseorang pemegang lesen yang telah mengimport atau yang memindah kapal mana-mana konsainan daging atau produk daging hendaklah, sebelum memindahkan konsainan itu dari pelabuhan kastam, mengemukakan kepada seseorang pegawai yang diberi kuasa satu salinan setiap satu —

(a) sijil kesihatan berkenaan dengan konsainan itu (jika dikehendaki oleh pegawai yang diberi kuasa itu);

(b) pengisytiharan import berkaitan dengan konsainan itu; dan

(c) dokumen lain berkaitan dengan konsainan itu sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu.

(2) Seseorang pemegang lesen yang melanggar atau gagal mematuhi peraturan kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000.

Prosedur pemeriksaan daging atau produk daging yang diimport.

6. (1) Pemeriksaan mana-mana konsainan daging atau produk daging yang telah diimport hendaklah dijalankan di tempat di mana konsainan itu disimpan sejurus selepas pengimportannya.

(2) Pemeriksa yang diberi kuasa hendaklah menjalankan —

(a) suatu pemeriksaan am ke atas seluruh konsainan; dan

(b) suatu pemeriksaan terperinci ke atas sekurang-kurangnya satu unit pembungkusan asas daging atau produk daging yang diisytiharkan dalam permit pelepasan kargo dan sijil kesihatan.

(3) Mana-mana sampel daging atau produk daging yang disejuk-bekukan hendaklah dinyahsejuk-beku dengan secukupnya bagi tujuan pemeriksaan terperinci di bawah peraturan kecil (2)(b).

(4) Orang yang telah mengimport konsainan itu atau wakilnya hendaklah, sebelum pemeriksaan itu dimulakan, mengemukakan kepada pemeriksa yang diberi kuasa yang menjalankan pemeriksaan itu 2 set (dalam dua salinan) permit pelepasan kargo dan sijil kesihatan berkenaan dengan konsainan itu.

(5) Jika pemeriksa yang diberi kuasa setelah menjalankan pemeriksaan yang diperlukan, mendapati bahawa konsainan daging atau produk daging itu adalah sesuai untuk makanan manusia, dia hendaklah mengendors permit pelepasan kargo berkenaan dengan konsainan itu dengan suatu pernyataan bagi maksud tersebut.

(6) Jika pemeriksa yang diberi kuasa setelah menjalankan pemeriksaan yang diperlukan, mendapati bahawa konsainan daging atau produk daging itu adalah tidak sesuai untuk makanan manusia, dia hendaklah —

(a) mengendors permit pelepasan kargo berkenaan dengan konsainan itu dengan suatu pernyataan bagi maksud tersebut; dan

(b) memberitahu seseorang pegawai yang diberi kuasa mengenai dapatannya.

(7) Pegawai yang diberi kuasa boleh menahan konsainan itu sementara menunggu pemindahannya dari Negara Brunei Darussalam, pemusnahan atau pelupusannya di bawah bab 10.

Pelabelan daging dan produk daging.

7. (1) Bagi maksud bab 6(1), seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa —

(a) setiap unit pembungkusan asas apa-apa daging atau produk daging yang akan diimport olehnya; dan

(b) setiap karton yang mengandungi satu atau lebih unit pembungkusan asas daging atau produk daging tersebut,

dilabel dengan butir-butir yang berikut —

- (i) suatu perihalan daging atau produk daging itu;
- (ii) negara dari mana daging atau produk daging itu berasal;
- (iii) nama jenama daging atau produk daging itu, jika ada;

- (iv) nama dan nombor penentuan bangunan pemprosesan di mana, dan tarikh bila, produk daging itu diproses, jika berkenaan;
- (v) nama dan nombor penentuan pusat penyembelihan di mana binatang-binatang yang digunakan dalam pengeluaran daging atau produk daging itu disembelih dan tarikh penyembelihan;
- (vi) nama dan nombor penentuan bangunan di mana, dan tarikh bila, daging atau produk daging itu dibungkus;
- (vii) nombor kelompok dan, jika produk daging itu ditinkan, kod pengetinan; dan
- (viii) berat bersih daging atau produk daging itu yang terkandung dalam setiap unit pembungkusan asas dan karton luarnya.

(2) Bagi maksud bab 6(2)/g/, seseorang pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa apa-apa daging atau produk daging yang akan dieksport olehnya dibungkus dan dilabel menurut kehendak-kehendak negara di mana daging atau produk daging itu akan dieksport.

(3) Jika seseorang pemegang lesen yang dikenakan peraturan kecil (1) gagal mematuhi peraturan kecil itu —

(a) dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000; dan

(b) Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa boleh, mengikut kehendak kes —

- (i) mengambil langkah-langkah sebagaimana yang mungkin perlu untuk memastikan bahawa bahagian daging atau produk daging yang diimport oleh pemegang lesen itu tidak dijual atau diagihkan; atau
- (ii) menyebabkan supaya daging atau produk daging itu dimusnahkan atau dipindahkan dari Negara Brunei Darussalam,

dan mendapatkan balik sebarang kos dan perbelanjaan yang dilakukan dengan munasabah olehnya daripada pemegang lesen itu.

Sijil kesihatan eksport.

8. (1) Mana-mana pemegang lesen yang menghendaki suatu sijil kesihatan eksport bagi pengeksporan mana-mana konsainan daging atau produk daging boleh memohon kepada Pengarah atau seseorang pegawai yang diberi kuasa bagi pengeluaran kepadanya sijil kesihatan eksport itu.

(2) Sebarang permohonan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah dan hendaklah disertakan dengan —

(a) suatu dokumen betulis daripada pihak berkuasa yang layak di negara di mana konsainan tersebut akan dieksporth yang menyatakan kehendak-kehendak import negara itu; dan

(b) bayaran yang bersesuaian.

(3) Setelah menerima permohonan bagi suatu sijil kesihatan eksport, Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa itu hendaklah memeriksa konsainan yang akan dieksporth atau menyebabkan supaya konsainan itu diperiksa oleh seseorang pemeriksa yang diberi kuasa dan hendaklah mengeluarkan sijil kesihatan eksport itu kepada pemohon hanya jika —

(a) pemeriksaan itu menunjukkan bahawa konsainan tersebut adalah sesuai untuk makanan manusia; dan

(b) kehendak-kehendak import negara di mana konsainan tersebut hendak dieksporth adalah dipatuhi.

Kesalahan boleh dikompaun.

9. Semua kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikompaun menurut bab 36.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 2 haribulan Februari, 2011.

PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM
DATO PADUKA HAJI BAKAR
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.